

08 JAN 2003

Ghani-Syariah

JOHOR SUDAH SERAGAMKAN SISTEM UNDANG-UNDANG SYARIAH, KATA MB

JOHOR BAHRU, 8 Jan (Bernama) -- Kerajaan Johor sudah mengunapakai penyeragaman sistem syariah seperti yang dipersetujui oleh Majlis Raja-raja terutama yang berkaitan dengan undang-undang keluarga.

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata Johor merupakan antara negeri terawal yang bersetuju dengan penyeragaman sistem syariah bagi menyelaraskan pelaksanaan undang-undang syariah yang lebih sistematik di negara ini.

"Johor sudahpun ada penyeragaman seperti yang dipersetujui yang digunapakai pada peruntukkan undang-undang syariah yang berkaitan dengan hal keluarga," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Kerajaan Negeri di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim mengenai perlunya penyeragaman sistem syariah di seluruh negara.

"Kita di Johor dah jadi sebahagian daripada langkah penyeragaman dan telah mengunapakai undang-undang syariah yang berkaitan dengan keluarga Islam," katanya.

Mengenai pengumuman peletakan jawatan Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik semalam, beliau berkata terpulanglah kepada kebijaksanaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Pengerusi Barisan Nasional (BN) untuk membuat keputusan mengenainya.

Semalam, Dr Ling yang juga Pengerusi MCA, mengumumkan peletakan jawatan sebagai Menteri Pengangkutan tetapi pada suatu tarikh yang akan ditentukan oleh Perdana Menteri.

"Kita perlu akur dengan keputusan yang dibuat oleh Majlis Tertinggi BN," katanya sambil menambah bahawa keputusan Majlis Tertinggi BN menggantung dua Anggota Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang juga anggota MCA sebagai mengikut peruntukkan sedia ada dalam perlembagan parti.

"Jelas bahawa BN mempunyai hak dan bidang tugas untuk menentukan tentang soal disiplin Adun ataupun ahli Parlimen yang menentang peraturan," katanya.

-- BERNAMA

RAM LAT